



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 27 April 2026



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kerajaan tak jamin bekalan minyak jika konflik berpanjangan

Sedang berusaha termasuk bersama Petronas serta syarikat minyak lain bagi mendapatkan sumber bekalan alternatif

Oleh ASYIKIN ASMIN

PAPAR - Kerajaan tidak dapat memberi jaminan bekalan minyak bagi tempoh jangka panjang sekiranya konflik di Asia Barat berpanjangan dan menjejaskan rantaian bekalan global.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali berkata, kerajaan ketika ini sedang melaksanakan pelbagai usaha termasuk bersama Petronas serta syarikat minyak lain bagi mendapatkan sumber bekalan alternatif.

Beliau berkata, setakat ini komitmen bekalan bagi Jun dan Julai telah diperoleh, namun cabaran utama yang masih perlu ditangani ialah aspek logistik penghantaran.

"Saya perlu berterus terang. Usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan termasuk Petronas dan syarikat-syarikat minyak lain untuk mendapatkan sumber bekalan alternatif sedang berjalan.

"Cuma, untuk memberikan jaminan jangka panjang sehingga enam atau tujuh bulan, kita tidak boleh memberi jaminan pada tahap sedemikian," katanya selepas merasmikan Kempen Turun Harga di Pasar Raya Bataras di sini



Armizan ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Kempen Turun Harga di Pasar Raya Bataras, Papar pada Ahad.

pada Ahad.

Sebelum itu, dalam ucapannya beliau menyentuh bahawa konflik Asia Barat yang berpanjangan akan memberi kesan kepada bekalan minyak negara.

Armizan yang juga Ahli Parlimen Papar turut berkata, walaupun sumber bekalan bagi dua bulan terdekat sudah dikenal pasti, kelewatan penghantaran akibat faktor logistik masih menjadi kebimbangan kerajaan.

Menurutnya, keadaan itu menyebabkan pemantauan harian terus dilakukan bagi memastikan bekalan di stesen minyak seluruh

negara kekal stabil dan mencukupi.

"Alhamdulillah bagi bulan Jun dan Julai, sumber bekalan itu telah pun diperoleh dari segi komitmen. Namun ada cabarannya. Cabarannya adalah dari segi logistik. Kita bimbang ada isu tertentu yang boleh menyebabkan bekalan itu lewat tiba.

"Sebab itu kita tidak boleh leka. Berbanding negara lain termasuk negara jiran, sekurang-kurangnya Malaysia dari segi bekalan itu masih terjamin dan berjalan lancar," katanya.

Beliau turut memaklumkan terdapat beberapa stesen minyak

yang berdepan gangguan sementara, khususnya melibatkan bekalan diesel, namun situasi itu bukan berpunca daripada kekurangan stok.

Sebaliknya, katanya, ia lebih berkait dengan proses penghantaran dari pelabuhan ke lokasi stesen minyak, terutama di Sabah dan Sarawak yang mempunyai jarak logistik lebih jauh.

"Kadang-kadang bekalan diesel terhenti buat seketika dan ada yang mencatu, sedangkan perkara itu tidak dibenarkan. Selagi ada stok, mereka perlu terus menjual," jelasnya.

Taktik tangki tambahan seleweng minyak diesel

KUALA LUMPUR - Sindiket penyelewengan diesel menggunakan lori diubah suai dengan tangki tambahan terbongkar dalam Op Tiris 4.0 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kuala Lumpur di Jalan Air Jernih, Setapak, pada Jumaat.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Negeri KPDN Kuala Lumpur, Mohd Shahrhan Mohd Arshad berkata, penahanan hasil risikan pasukan khas KPDN Kuala Lumpur yang mengesan pergerakan men-

curigakan sebuah lori selepas keluar dari stesen minyak di Jalan Kepong.

"Pasukan khas mengekori kenderaan itu yang memasuki stesen minyak di Jalan Kuching.

"Kenderaan itu ditahan ketika berhenti bersebelahan sebuah sekolah di Setapak," katanya.

Menurutnya, pemeriksaan mendapati lori itu diubah suai dengan pemasangan empat tangki berkapasiti 1,000 liter setiap satu di bahagian belakang.

SKDS requests open for Sabah, S'wak and Labuan on May 4

PAPAR: Applications for registration of the Subsidised Diesel Control System (SKDS) for land freight vehicles in Sabah, Sarawak and Labuan will open starting May 4, says Datuk Armizan Mohd Ali (*pic*).

The Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Minister said eligible registered vehicles of land freight companies can benefit from diesel subsidies, subject to rates set by the government.



"As announced by Deputy Prime Minister Datuk Seri Fadillah Yusof on April 6, 2026, the implementation of the distribution of diesel fuel subsidies for the land freight sector through SKDS will be expanded to Sabah, Sarawak and the Federal Territory (WP) of Labuan," he said after officiating the Price Reduction Campaign @ Bataras Programme here yesterday.

He said the current subsidy price rate for SKDS for the land freight sector is RM2.15 per litre and the purchase of subsidised diesel by land freight companies will be implemented using the fleet card method.

Armizan said full details of the registration implementation will be announced on May 1, 2026.

"In preparation for registration, company owners are advised to ensure the availability of all relevant records and documents, such as ensuring the company registration is active and vehicles have valid road tax," he added, Bernama reported.

Meanwhile, commenting on the Price Reduction Campaign @ Bataras Programme, he said it was organised by Bataras Sdn Bhd as a commitment by some industry players to help ease the burden of the people.

"Bataras is a local company that has been established since 1998. Through this campaign, consumers have the opportunity to buy a number of essential items at lower prices, which would help to ease their daily expenses.

"This campaign runs from April 15 to June 30 this year, involving all Bataras Supermarket branches in Sabah," he said.

Permohonan SKDS di Sabah, S'wak dan Labuan mula 4 Mei

Iskandar Dzulkifli

PAPAR: Permohonan pendaftaran bagi Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) untuk sektor pengangkutan darat barangan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan akan dibuka bermula 4 Mei depan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata peluasan pelaksanaan SKDS itu adalah selaras dengan pengumuman Timbalan Perdana Menteri, Datuk Amar Fadillah Yusof pada 6 April lalu.

Menurutnya, fasa awal peluasan berkenaan akan melibatkan permohonan pendaftaran oleh syarikat-syarikat dalam sektor pengangkutan darat barangan di ketiga-tiga wilayah terbabit.

"Melalui pelaksanaan ini, kenderaan yang didaftarkan di bawah syarikat pengangkutan darat barangan yang berkecualan boleh menikmati subsidi diesel pada kadar yang telah ditetapkan kerajaan.

"Pelaksanaan peluasan SKDS ini dijangka dapat memastikan penyaluran subsidi diesel yang lebih bersasar, sekaligus membantu mengurangkan kos operasi syarikat pengangkutan darat barangan di Sabah, Sarawak dan Labuan," katanya selepas merasmikan Kempen Turun Harga @Bataras, di sini, pada Ahad.

Mengulas lanjut, Armizan berkata, kadar harga subsidi semasa bagi SKDS sektor berkenaan adalah RM2.15 seliter.

Katanya, manakala kaedah 'fleet card' akan digunakan bagi pembelian diesel untuk syarikat yang layak dan telah berdaf-

tar dalam SKDS dan mereka perlu permohonan kad berkenaan daripada syarikat minyak pilihan masing-masing.

Permohonan 'fleet card' ini juga katanya, perlu disertakan dengan surat kelulusan serta senarai kenderaan yang boleh dicetak daripada sistem SKDS.

Sehubungan itu, Armizan menasihatkan semua pemilik syarikat pengangkutan darat barangan supaya membuat persediaan awal dengan memastikan semua rekod dan dokumen berkaitan berada dalam keadaan lengkap dan sah.

Lihat muka dua

Dari 15 April hingga 30 Jun

Diskaun 70 peratus di Bataras

Iskandar Dzulkifli

PAPAR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menyeru lebih banyak syarikat serta industri dalam sub-sektor peruncitan menyertai inisiatif penurunan harga barangan.

Menterinya Datuk Armizan Mohd Ali berkata langkah proaktif pemain industri seperti Pasaraya Bataras Sdn Bhd menerusi Kempen Turun Harga @ Bataras wajar dijadikan contoh dalam usaha bersama meringankan beban kos sara hidup rakyat ketika ini.

Menurutnya, penyertaan lebih ramai peruncit amat penting khususnya dalam keadaan ekonomi global yang masih terkesan akibat konflik berterusan di Asia Barat yang memberi impak kepada rantaian bekalan serta harga barangan di pasaran.

"Bukan sahaja pengguna bahkan syarikat-syarikat termasuk peruncit turut berdepan cabaran kesan daripada konflik Asia Barat yang menjejaskan bekalan global yang akhirnya memberi tekanan kepada penawaran dan harga barangan.

"Justeru itu, KPDN amat mengalu-alukan lebih banyak syarikat untuk meneladani usaha Bataras dengan melaksanakan program penurunan harga masing-masing demi manfaat rakyat," katanya selepas merasmikan kempen itu, di sini, pada Ahad.

Hadir sama Adun Pantai Manis Datuk Pengiran Sarifuddin Pengiran Tahir Petra dan Adun Limbahau Datuk Juil Nuatim.

Kempen yang berlangsung dari 15 April



ARMIZAN (kanan) meninjau antara produk barangan yang termasuk dalam kempen itu.

hingga 30 Jun itu dilaksanakan di semua 58 cawangan pasar raya itu di seluruh Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Ia menawarkan diskaun antara tiga hingga 70 peratus membabitkan kira-kira 9,000 barangan keperluan harian terpilih.

Armizan yang juga Ahli Parlimen Papar berkata inisiatif itu mencerminkan komitmen sebahagian pemain industri dalam membantu kerajaan menangani isu kos sara hidup melalui pendekatan kerjasama menyeluruh.

"Usaha seperti ini juga adalah selari dengan pendekatan 'whole-of-nation' yang digerakkan kerajaan dalam mende-pani cabaran global, termasuk ketidak-entuan bekalan susulan konflik geopolitik.

"Kita maklum bahawa konflik di Asia Barat yang berlarutan sejak Februari lalu dijangka tidak dapat diselesaikan dalam masa terdekat malah pemulihan infrastruktur tenaga di rantau Timur Tengah yang terjejas juga akan mengambil masa," katanya.



Armizan: SKDS application for Sabah, Sarawak and Labuan opens on May 4

PAPAR: Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Minister Datuk Armizan Mohd Ali said applications for registration of the Subsidised Diesel Control System (SKDS) for land freight vehicles in Sabah, Sarawak and Labuan will be open starting May 4.

He said eligible registered vehicles of land freight companies can benefit from diesel subsidies subject to the rates set by the government.

"As announced by Deputy Prime Minister Datuk Amar Fadillah Yusof on April 6, 2026, the implementation of the distribution of diesel fuel subsidies for the land freight sector through SKDS will be expanded to Sabah, Sarawak and the Federal Territory (WP) of Labuan," he said after officiating the Price Reduction Campaign @ Bataras Programme here yesterday.

He said the current subsidy price rate for SKDS for the land freight sector is RM2.15 per litre and the purchase of subsidised diesel by land freight companies will be implemented using the fleet card method.

"Qualified transport com-



Armizan said eligible registered vehicles of land freight companies can benefit from diesel subsidies subject to the rates set by the government.

panies that have registered in SKDS need to apply for a fleet card from the selected oil company by submitting together with the documents of approval letter and a list of vehicles can be printed from SKDS," he said.

Armizan said full details of the registration implementation will be announced on May 1, 2026.

"In preparation for registration, company owners are advised to ensure the availability of all relevant

records and documents such as the company registration is active and vehicles with valid road tax," he added.

Meanwhile, commenting on the Price Reduction Campaign @ Bataras Pro-

gramme, he said it was organised by Bataras Sdn. Bhd. as a commitment by some industry players in helping to ease the burden of the people.

"Bataras is a local company that has been es-

ablished since 1998 with the operation of a total of 58 Bataras Supermarket branches throughout Sabah including in Papar. Through this campaign, consumers have the opportunity to buy a number of essential items at lower prices, thus helping to ease the people's daily expenses.

"This campaign runs from April 15 to June 30 2026 involving all Bataras Supermarket branches in Sabah. This will involve offering discounts on selected items up to 70 per cent cheaper than the original price for 9,000 items," he said.

He said his ministry welcomed the implementation of this campaign as a joint effort to help ease the cost of spending on essential goods for the people, especially in the context of the global supply crisis following the ongoing conflict in West Asia.

"This noble effort should be expanded and emulated by more industry players including other retail sub-sectors as a manifestation of shared responsibility in preserving the well-being of the people," he added. — Bernama

Permohonan SKDS bagi Sabah dan Sarawak dibuka mulai 4 Mei

PAPAR: Permohonan pendaftaran Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) bagi kenderaan pengangkutan darat barangan di Sabah, Sarawak dan Labuan dibuka bermula 4 Mei depan, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali.

Beliau berkata kenderaan-kenderaan yang didaftarkan bagi syarikat pengangkutan darat barangan yang berkecualan boleh memanfaatkan subsidi diesel tertakluk kepada kadar yang ditetapkan oleh kerajaan.

"Sebagaimana yang telah diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Amar Fadillah Yusof pada 6 April 2026, pelaksanaan penyaluran subsidi bahan api diesel bagi sektor pengangkutan darat barangan melalui SKDS akan diperluaskan ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan (WP) Labuan," katanya selepas merasmikan Program Kempen Turun Harga @ Bataras di sini semalam.

Beliau berkata kadar harga subsidi semasa bagi SKDS sektor pengangkutan darat barangan adalah RM2.15 seliter dan pembelian diesel bersubsidi oleh syarikat pengangkutan berkenaan akan dilaksanakan menggunakan kaedah kad subsidi diesel (fleet card).

"Syarikat pengangkutan yang berkecualan dan telah mendaftar dalam SKDS perlu memohon fleet card daripada syarikat minyak pilihan dengan mengemukakan bersama dokumen surat kelulusan dan senarai kenderaan yang boleh dicetak daripada SKDS," katanya.

Armizan berkata butiran penuh pelaksanaan pendaftaran akan diumumkan pada 1 Mei 2026.

"Sebagai persiapan untuk pendaftaran, para pemilik syarikat dinasihatkan supaya memastikan ketersediaan semua rekod dan dokumen berkaitan seperti pendaftaran syarikat adalah aktif dan kenderaan-kenderaan dengan cukai jalan yang sah," tambahnya.

◆ **PERKATA**

Permohonan SKDS bagi Sabah dan Sarawak dibuka mulai 4 Mei

► **Dari Muka 1**

Sementara itu, beliau ketika mengulas mengenai Program Kempen Turun Harga @ Bataras berkata ia adalah anjuran Bataras Sdn Bhd sebagai komitmen sebahagian pemain industri dalam membantu meredakan beban sara hidup rakyat.

"Bataras adalah syarikat tempatan yang mula bertapak sejak 1998 dengan pengoperasian sejumlah 58 rangkaian cawangan Pasar Raya Bataras di seluruh Sabah termasuk di

Papar. Menerusi kempen ini, para pengguna berpeluang membeli sejumlah barangan keperluan pada harga lebih rendah, sekaligus membantu meringankan perbelanjaan harian rakyat.

"Kempen ini bermula 15 April hingga 30 Jun 2026 melibatkan semua cawangan Pasar Raya Bataras di Sabah. Ini akan melibatkan penawaran diskaun harga barangan terpilih hingga 70 peratus lebih murah berbanding harga asal bagi 9,000 item barangan," katanya.

Beliau berkata kementerian-

an berkenaan amat mengalu-alukan pelaksanaan kempen ini sebagai antara ikhtiar bersama dalam membantu meringankan kos perbelanjaan barangan keperluan rakyat, lebih-lebih lagi dalam situasi krisis bekalan global yang masih berlarutan.

"Usaha murni ini wajar diperluaskan dan dicontohi oleh lebih banyak pemain industri termasuk subsektor peruncitan lain sebagai manifestasi tanggungjawab bersama dalam memelihara kesejahteraan rakyat," katanya. — Bernama



Handout photo shows a KPDN Sarawak officer inspecting the 4WD containing jerry cans, said to have been used to transport misappropriated diesel.

KPDN S'wak: Diesel misappropriation attempts foiled

Galileo Petingi

KUCHING: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) foiled attempts to misappropriate diesel during Ops Statik in two separate cases here last Friday.

KPDN Sarawak director Matthew Dominic Barin said the first case involved a four-wheel drive (4WD) being inspected during a static duty by KPDN enforcers.

"Further checks on the 4WD found 16 jerry cans containing 160 litres of diesel worth RM344.

"Also seized were the 4WD, jerry cans, and purchase receipts - with all seizures worth RM20,854," he said in a statement.

Later the same day, KPDN enforcers detected a sports utility vehicle (SUV) in the same area under suspicious circumstances, and found about 600 litres of fuel believed to be diesel worth RM1,290.

Total seizures in the second operation amounted to RM31,540, including the SUV, a 12-volt electric pump, two smaller hoses believed to be used to transfer the fuel and other related equipment.

Two men, in their 30s, were arrested, one from each case.

The cases are being investigated under Section 21 of the Control of Supplies Act 1961.



Photo of the SUV inspected by the KPDN Sarawak team.

tempatan

Isnin, 27 April 2026 **UTUSAN**

Cubaan seleweng 760 liter diesel berjaya dipatahkan

KPDN Sarawak turut menahan dua lelaki tempatan masing-masing berumur 30-an bagi membantu siasatan

KUCHING: Cubaan menyeleweng sejumlah kira-kira 760 liter minyak diesel berjaya dipatahkan dalam Ops Statik dilancarkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Sarawak pada Jumaat lalu di sekitar Kuching.

Pengarah KPDN Sarawak Matthew Dominic Barin berkata, dalam operasi itu pihaknya turut menahan dua lelaki tempatan masing-masing berumur 30-an bagi membantu siasatan.

Menurutnya dalam kes pertama kira-kira jam 2 petang 24 April 2026 (Jumaat lalu), sepasukan anggota penguat kuasa KPDN Sarawak telah mengesan sebuah kenderaan pacuan empat roda berwarna kelabu dalam keadaan mencurigakan semasa tugas statik dijalankan.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapati kenderaan tersebut dipercayai digunakan untuk menyimpan dan membawa diesel, barang kawalan dalam keadaan menimbulkan syak munasabah bagi tujuan penyelewengan."

"Pemeriksaan menemui diesel dianggarkan 160 liter bernilai RM344 bersama 16 unit tong Jerry Can serta beberapa dokumen berkaitan pembelian diesel," katanya dalam satu kenyataan akhir

semalam.

Beliau menambah, antara barangan yang disita termasuk kenderaan pitap yang digunakan bagi membawa bahan api itu, kunci kenderaan, tong simpanan diesel dan resit pembayaran.

Nilai keseluruhan rampasan bagi kes itu dianggarkan berjumlah RM20,854, katanya.

"Manakala dalam kes kedua pada jam 8.03 malam, hari sama, pasukan penguat kuasa sekali lagi berjaya mengesan sebuah kenderaan utiliti sukan (SUV) dalam keadaan mencurigakan di lokasi sama.

"Pemeriksaan lanjut mendapati kenderaan tersebut dipercayai digunakan sebagai



DIHALANG: Minyak diesel yang dirampas dalam kes pertama semasa Ops Statik dilancarkan KPDN Sarawak pada Jumaat. — Gambar KPDN Sarawak

“Hasil pemeriksaan lanjut mendapati kenderaan tersebut dipercayai digunakan untuk menyimpan dan membawa diesel, barang kawalan dalam keadaan menimbulkan syak munasabah bagi tujuan penyelewengan.”

Matthew Dominic Barin
Pegawai KPDN Sarawak

medium untuk menyimpan bekalan diesel secara tidak sah," katanya.

Dalam operasi kali ini pasu-

kan penguat kuasa menemui kira-kira 600 liter minyak diesel bernilai RM1,290, sebuah pam elektrik 12V

serta dua unit hos kecil yang dipercayai digunakan bagi memindahkan bahan api.

Turut disita katanya, kenderaan SUV digunakan dalam kes berkenaan, kunci kenderaan dan peralatan berkaitan, dengan nilai keseluruhan rampasan dianggarkan RM31,540.

"Sehubungan itu, dua kes telah dihasilkan di bawah Ops 555 di bawah Seksyen 21, Akta Kawalan Bekalan 1962, iaitu memiliki atau ada kawalan barang kawalan dalam keadaan menimbulkan syak melakukan kesalahan.

"Kesdisiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 dan jika disabit kesalahan boleh didenda," katanya.

Bagi kesalahan dilakukan individu, denda tidak melebihi RM1 juta atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali, untuk kesalahan kedua dan berikutnya denda tidak melebihi RM3 juta atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya.

Manakala bagi kesalahan dilakukan syarikat, denda tidak melebihi RM2 juta



TERBONGKAR: Kenderaan SUV yang ditahan oleh KPDN Sarawak bersama diesel dianggarkan sebanyak 600 liter dalam Ops Statik pada Jumaat. — Gambar KPDN Sarawak

manakala kesalahan kedua atau berikutnya tidak melebihi RM5 juta, jelasnya.

Sehubungan itu, KPDN meminta kerjasama orang ramai untuk memaklum-

kan sebarang aduan melalui WhatsApp 019-848 8000, e-mel (e-aduan@kpdn.gov.my), pusat panggilan (1-800-880-800) dan aplikasi telefon pintar (EZ ADU KPDN).



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM

Kos tanam padi cecah RM7,000 sehektar

LAPORAN MUKA DEPAN

Kos input pertanian meningkat termasuk baja, kos logistik

ALORSETAR - Kos mengusahakan satu hektar tanaman padi kini boleh mencecah sehingga RM7,000 sekiranya tiada campur tangan langsung kerajaan bagi membantu menangani kenaikan kos susulan krisis global.

Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob berkata, kerajaan digesa memperluaskan Skim Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) kepada pesawah bagi mengurangkan beban yang semakin meningkat.

Beliau mendakwa, kos input pertanian semakin meningkat sehingga 120 peratus berikutan kenaikan harga bahan mentah baja dan kos logistik.

"Semasa penyasaran diesel dilaksanakan, kos mengusahakan satu hektar tanaman padi antara RM5,000 hingga RM5,500 tapi dalam keadaan

krisis tenaga global sekarang, kos itu meningkat hampir RM7,000 sehektar.



ABDUL RASHID

"Jika inilah kos yang terpaksa ditanggung, pesawah tidak lagi mampu mengusahakan sawah kerana ia terlalu tinggi," katanya.

Ujar beliau, walaupun harga diesel telah turun sebanyak 75 sen kepada RM5.97 bermula Khamis lalu, namun kadar tersebut masih dianggap tinggi.

Menurutnya, bagi pemilik jentera membajak sawah yang tidak mendapat insentif SKDS, mereka terpaksa membeli diesel pada harga pasaran, sekali gus meningkatkan kos operasi.

"Apabila pemilik jentera menanggung kos diesel yang tinggi, beban itu akhirnya dipindahkan kepada pesawah," katanya.

Tambah beliau, peningkatan kos pengeluaran turut menimbulkan persoalan mengenai keperluan untuk menyelaraskan

LAPORAN KHAS
Suara Rakyat

semula harga belian padi bagi memastikan kelangsungan ekonomi pesawah.

Menurutnya, harga belian padi ketika ini sekitar RM1,500 bagi satu tan tidak lagi relevan kerana kos diesel dan input pertanian meningkat beberapa kali.

"Pesawah telah lama menyerap kenaikan kos ini. Jika harga belian padi kekal, ia tidak adil kepada pesawah kerana kos pengeluaran makin meningkat.

"Kami berpandangan perlu ada pelarasan harga belian padi yang lebih realistik bagi menampung kos tersebut," katanya.

Sehubungan itu, Abdul Rashid mencadangkan harga belian padi diselaraskan kepada sekitar RM3,000 bagi satu tan supaya pesawah mampu menampung kos operasi termasuk penggunaan jentera dan peralatan pertanian.

Menurutnya, pesawah bukan sekadar mengharap subsidi kerajaan, sebaliknya mahu hasil tanaman dijual pada harga munasabah dan menguntungkan.

Lonjakan kos operasi, bahan api bebbankan pengusaha bas sekolah



MOHAMAD HARON

KUALA LUMPUR - Kenaikan kos operasi termasuk harga minyak dan penyelenggaraan kenderaan terus memberi tekanan kepada pengusaha bas sekolah, sekali gus menimbulkan kebimbangan terhadap kelangsungan industri tersebut.

Presiden Pertubuhan Kebajikan Industri Bas Sekolah Malaysia, Mohamad Haron Mohamad Sidik berkata, subsidi minyak sedia ada tidak mencukupi untuk menampung kos operasi bulanan.

Menurutnya, kuota subsidi sekitar 750 liter sebulan hanya mampu bertahan kira-kira 15 hari, berbanding keperluan sebenar yang mencecah kira-kira 1,200 liter bagi tempoh sama.

"Dalam keadaan biasa, kita beroperasi secara purata 22 hari sebulan tapi subsidi diberikan tidak mencukupi dan selebihnya pengusaha terpaksa beli pada harga pasaran.

"Secara keseluruhan, subsidi ini hanya menampung kira-kira 25 peratus kos operasi, manakala baki 75 peratus lagi perlu ditanggung sendiri," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut Mohamad Haron, selain kos bahan api, pengusaha turut berdepan kenaikan kos alat ganti dan penyelenggaraan seperti tayar, minyak enjin serta upah servis.

Ujarnya, keadaan itu memaksa pengusaha mengambil langkah penjimatan termasuk mematikan enjin dan pendingin hawa ketika menunggu pelajar bagi mengurangkan penggunaan minyak.

Pada masa sama, katanya, pengusaha juga berdepan kesukaran menaikkan tambang kerana tertakluk kepada peraturan, selain perlu mendapatkan persetujuan ibu bapa.

Malah, beliau turut mendedahkan trend ibu bapa menghantar anak ke sekolah menggunakan motosikal semakin meningkat susulan tekanan kos tambang bas yang tinggi.

Harga minyak: Kesan pada peniaga kecil, pengguna



DALAM jangka masa lebih panjang, peniaga kecil berdepan dilema sama ada menaikkan harga atau menanggung kerugian.

Dalam jangka masa lebih panjang, peniaga kecil berdepan dilema sama ada menaikkan harga atau menanggung kerugian. Jika harga dinaikkan terlalu tinggi, pelanggan mungkin beralih kepada alternatif yang lebih murah. Sebaliknya, jika harga dikedalkan, keuntungan teres mengecil. Kalaupun ini mendorong sesetengah peniaga mengurangkan kuantiti, mengecikkan saiz hidangan atau menhadkan waktu operasi sebagai langkah bertahan. Walaupun strategi ini membantu secara sementara, ia tidak mampu menyelesaikan tekanan kos secara berterusan.

Tekanan terhadap sektor ekonomi kecil turut diakui oleh wakil industri. Persatuan perusahan kecil dan sederhana melaporkan bahawa kenaikan harga diesel memberi kesan langsung kepada aliran tunai dan operasi harian perniagaan kecil. Pada masa yang sama, sebahagian peniaga mikro berada dalam kedudukan "kelabu" kerana tidak layak memohon subsidi bersasar walaupun terkecas secara langsung. Situasi ini menyebabkan mereka perlu menanggung kenaikan kos tanpa sokongan yang mencukupi, sekali gus meningkatkan risiko tekanan kewangan terhadap operasi harian.

Kesan kenaikan kos tenaga juga jelas dirasai oleh mereka

di dalam sektor pertanian dan perlombongan skala kecil. Nelayan tradisional bergantung kepada diesel untuk keluar menangkap ikan, manakala petani kecil menggunakan jentera seperti traktor dan pam air untuk tanaman mereka. Bagi nelayan dan petani yang tidak layak memperoleh subsidi minyak terpaksa berhadapan dengan kenaikan harga minyak tersebut. Apabila kos bahan bakar ini meningkat, ia akan menjejaskan pendapatan kerana aktiviti pengeluaran terpaksa dikurangkan dan seterusnya hasil atau pendapatan bersih juga turut berkurangan.

Sektor ekonomi informal seperti penjaja pasar malam, perkhidmatan penghantaran kecil dan perniagaan dari rumah turut terdedah kepada risiko yang sama. Kebanyakan mereka beroperasi dengan modal yang terhad dan tidak mempunyai simpanan kewangan yang kukuh. Kenaikan kos tenaga secara berterusan boleh menyebabkan mereka mengurangkan operasi atau menghentikan perniagaan. Jika keadaan ini berlarutan, peluang pekerjaan tidak formal yang menjadi sumber pendapatan penting kepada ramai isi rumah turut terjejas.

Krisis tenaga juga memberi kesan tidak langsung kepada pengguna. Apabila kos operasi meningkat, sebahagian kenaikan tersebut dipindahkan

kepada harga barangan dan perkhidmatan. Ini mewujudkan kesan domino dalam ekonomi tempatan, khususnya dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah. Dapatan kajikan empikikal turut menunjukkan bahawa kenaikan harga bahan api mempunyai hubungan signifikan dengan peningkatan inflasi, sekali gus meningkatkan kos sara hidup.

Langkah-langkah bagi mengurangkan tekanan kos tenaga terhadap sektor ekonomi kecil sebenarnya telah mula dilaksanakan. Kerajaan memperkenalkan subsidi diesel bersasar kepada kumpulan tertentu seperti nelayan, sektor pertanian dan pengangkutan yang layak bagi mengurangkan beban kos operasi. Pelbagai insentif berkaitan peralihan tenaga seperti pemasangan solar berskala kecil serta pembiayaan teknologi hijau turut disediakan kepada perusahaan kecil dan sederhana. Pada masa yang sama, pendekatan berasaskan komuniti melalui koperasi dan rangkaian setempat juga telah diperkenalkan dalam beberapa program pembangunan usahawan bagi membantu mengurangkan kos pembelian bahan mentah dan logistik.

Namun demikian, cabaran utama bukan lagi pada kewujudan dasar, tetapi pada liputan dan keberkesanan pelaksanaannya. Sebahagian peniaga mikro, khususnya

dalam sektor informal, masih berada di luar skop perlindungan sedia ada namun mereka turut menanggung kenaikan kos bahan bakar. Situasi ini menunjukkan bahawa terdapat jurang antara dasar yang dirancang dan realiti pelaksanaan di peringkat lapangan. Tanpa peluasan liputan yang lebih menyeluruh, sebahagian pemain ekonomi kecil ini berisiko dan terus terdedah kepada tekanan kos yang berterusan.

Sektor ekonomi kecil sebenarnya memainkan peranan penting sebagai penggerak ekonomi tempatan. Ia bukan sahaja menyediakan peluang pekerjaan, malah menyokong rantaian bekalan domestik serta memastikan aktiviti ekonomi terus hidup di peringkat komuniti. Peniaga kecil di pasar malam, kedai runcit kampung, bengkel kecil dan perkhidmatan mikro lain membantu memenuhi keperluan harian masyarakat. Jika sektor ini terjejas akibat krisis tenaga yang berpanjangan, kesannya bukan sahaja dirasai oleh peniaga kecil, tetapi turut memberi tekanan kepada pengguna melalui kenaikan harga dan pengurangan pilihan perkhidmatan.

